

MAHATHIR-ALTERNATIF

1983

KUALA LUMPUR, 1 JULAI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN KERAJAAN TIDAK MENRANCANG UNTUK MENGHAPUSKAN BANK-BANK LAIN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI DENGAN WUJUDNYA BANK ISLAM YANG OPERASINYA DILANCARKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN PENUBUHAN BANK ISLAM ADALAH SATU ALTERNATIF KERAJAAN - SATU CARA MEMATUHI HUKUM-HUKUM ISLAM DALAM PENGURUSAN WANG DAN EKONOMI MODEN.

+KITA TIDAK ADA RANCANGAN UNTUK MENGHAPUSKAN BANK-BANK LAIN BUKAN SAHAJA KERANA BUKAN SEMUA PENDUDUK NEGARA INI TERDIRI DARI ORANG ISLAM TETAPI SISTEM BANK YANG DIGUNAKAN DI SELURUH DUNIA ADALAH BERASASKAN KEPADA SISTEM BANK PERDAGANGAN YANG DIAMALKAN SEKARANG,+ KATA BELIAU.

PENJELASAN ITU DIBUAT DI MAJLIS PELANCARAN BANK ISLAM DI BANGUNAN PERNAS DI SINI EKORAN KECAUMAN DARI PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG MEMPERSOALKAN KENAPA MASIH ADA BANK-BANK LAIN DI NEGARA INI JIKA SUDAH WUJUD BANK ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA BERGANTUNG KEPADA PERDAGANGAN DENGAN SELURUH DUNIA, TERUTAMA DENGAN NEGARA YANG BUKAN ISLAM.

BELIAU BERKATA WALAUPUN BANK ISLAM BOLEH MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENGURUS PERDAGANGAN, BANK-BANK LAIN MASIH DIPERLUKAN. -- LAGI 1315/OM

ZCZC B542:

MAHATHIR-ALTERNATIF 2 KUALA LUMPUR

+HARUS DIINGAT BAHAWA SEMUA NEGARA ISLAM MASIH MENGGUNAKAN SISTEM BANK PERDAGANGAN DAN BANK JENIS INILAH YANG TERBANYAK SEKALI DITUBUHKAN SEJAK MINYAK MENJADI PUNCA KEKAYAAN BAGI BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM.+

KATANYA, ADANYA BANK-BANK PERDAGANGAN TIDAK BERMAKNA BAHAWA NEGARA-NEGARA BERKENAAN SUDAH TIDAK ISLAM DAN BEGITU JUGA ADANYA BANK ISLAM TIDAK MENJADIKAN SESEBUAH NEGARA ITU ISLAM.

+JIKA BENARLAH BANK ISLAM MENJADIKAN SESEBUAH NEGARA ITU NEGARA ISLAM, MAKA SWITZERLAND, THE BAHAMAS DAN LUXEMBOURG MESTILAH DIANGGAP SEBAGAI NEGARA ISLAM KERANA BANK-BANK ISLAM TELAH DITUBUHKAN ATAU BERGERAK DI NEGARA-NEGARA ITU,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN BANK ISLAM TIDAK ADA DI ZAMAN NABI MUHAMMAD ATAU ZAMAN-ZAMAN KHALIFAH-KHALIFAH YANG BERIKUTAN.

TETAPI, TEGASNYA, TIDAK ADANYA BANK ISLAM DI ZAMAN TERSEBUT TIDAK BERMAKNA IA TIDAK BOLEH DIADAKAN DI ZAMAN INI.

+HARI INI KITA MENUNAIKAN IBADAT HAJI DENGAN KAPALTERBANG DAN DENGAN DUIT KERTAS, CEK DAN BEKALAN-BEKALAN LAIN YANG TIDAK ADA DI ZAMAN RASULULLAH.. INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA KITA TIDAK MENU-NAIKAN RUKUN ISLAM YANG KELIMA.+ -- LAGI 1319/OM

MAHATHIR-ALTERNATIF 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN CARA-CARA YANG DIGUNAKAN ITU ADALAH ALTERNATIF MENGIKUT ZAMAN YANG SUDAH BERUBAH DAN BEGITU JUGA DENGAN BANK ISLAM YANG KERAJAAN TUBUHKAN.

KATANYA, BANK ISLAM MASIH MENEPATI KEHENDAK AGAMA ISLAM DI SAMPING MENGAMBIL KIRA SISTEM KEWANGAN DAN KEGIATAN EKONOMI YANG SUDAH BERUBAH.

''JIKA KITA TIDAK MEMPUNYAI JAWAPAN-JAWAPAN TERHADAP SOALAN DAN MASALAH DUNIA MODEN, JIKA KITA SEMATA-MATA BERKATA INI DILARANG DAN ITU DILARANG, MAKA LAMBAT LAUN AKAN HILANGLAH KEPERCAYAAN KEPADA AGAMA ISLAM, TERUTAMA KEPERCAYAAN BAHAWA AGAMA ISLAM ADALAH UNTUK SEMUA ZAMAN DAN BUKAN UNTUK ZAMAN NABI SAHAJA.''

TURUT HADIR DI MAJLIS PELANCARAN ITU IALAH MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM - SEORANG YANG MEMBERI PERHATIAN PERIBADI BAGI MENJAMIN KEJAYAAN BANK ITU SEJAK MENGANGGOTAI KERAJAAN - DAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, ENCIK SABARUDDIN CHIK.

LAIN-LAIN TERMASUK MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK SHARIR SAMAD, PENERUSI LEMBAGA PENGARAH BANK ISLAM, RAJA TAN SRI MOHAR BADIOZAMAN, PENERUSI PERMODALAN NASIONAL BERHAD, TUN ISMAIL ALI, PENASIHAT KEWANGAN KERAJAAN, TUN TAN SIEW SIN DAN GABENOR BANK NEGARA, TAN SRI AZIZ TAHA.

ETAMU KHAS IALAH SYEIKH HATIM AL-QARASYAWY, WAKIL PERSATUAN BANK-ANK ISLAM ANTARABANGSA YANG BERPUSAT DI GENEVA.

-- BERNAMA 1347/1K